



MAJLIS PERBANDARAN KLANG
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH,
JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-3371 6044, 3371 1376, 3371 6141 FAKA : 03-3372 0344, 3374 2245
LAMAN WEB : www.mpklang.gov.my E-MEL : aduan@mpklang.gov.my

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA B

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Klang dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) samada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera dalam bidang kerja berikut:-

Bil.	TAJUK KERJA	PENDAFTARAN	KOD BIDANG (KKM)	SPESIFIKASI
1	NO. SEBUTHARGA : MPK 400-10/3/6 KERJA-KERJA PERCETAKAN DAN PENGEPOSAN NOTIS PINDAAN / MENYEMAK SENARAI NILAIAN DAN NOTIS KEPUTUSAN BANTAHAN UNTUK JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Unit Perancang Negeri Selangor (UPEN) & Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang Beralamat Dalam Negeri Selangor Sahaja)	221606 & 221708 atau 221710	Seperti dilampiran A

DOKUMEN SEBUTHARGA

Borang Dokumen Tawaran Sebutharga boleh didapati di Laman Web Rasmi MPK / Kaunter **Bahagian Ukur Bahan**, beralamat di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber), Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.

TEMPOH TAWARAN

Tawaran Sebutharga (B) ini dibuka bagi tempoh **Tujuh (7) hari bekerja sahaja** berkuatkuasa pada **29HB Mac 2019 sehingga 8HB April 2019**.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran Sebutharga tuan/puan hendaklah dihantar dengan apa-apa cara sekalipun samada menggunakan faks bernombor **03-3373 1960**, email sebutharga.b@mpklang.gov.my, pos ataupun dihantar terus ke kaunter **Bahagian Ukur Bahan**, beralamat di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber), Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan. Tidak lewat daripada **8HB April 2019 sebelum jam 12.00 TENGAHARI**.

Dokumen Sebutharga yang diserahkan **selepas tarikh dan masa yang ditetapkan** berbangkit dari apa jua sebab **tidak akan dilayan**. Sebarang pertanyaan sila hubungi **Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta** di talian **03-3371 6044** sambungan **5103**.

Disediakan oleh :

BAHAGIAN UKUR BAHAN

MAJLIS PERBANDARAN KLANG



**MAJLIS PERBANDARAN KLANG
(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)
SENARAI KUANTITI
(RM 20,000 HINGGA RM 50,000)**

No. Sebutharga : MPK 400-10/3/6

Tajuk : KERJA-KERJA PERCETAKAN DAN PENGEPOSAN NOTIS PINDAAN / MENYEMAK SENARAI NILAIAN DAN NOTIS KEPUTUSAN BANTAHAN UNTUK JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Anggaran Kuantiti (3 tahun)	Kadar (1 set) (RM)	Jumlah (RM)
	KUANTITI ADALAH BERDASARKAN KEPADA 2 PENGGAL CUKAI TAKSIRAN Membekal peralatan, mesin, bahan mentah dan tenaga kerja untuk kerja-kerja percetakan dan pengeposan Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai dan Notis Keputusan Bantahan untuk MPK.				
1.	<u>NOTIS PINDAAN / MENYEMAK SENARAI NILAIAN</u> Membekal dan mencetak Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai bagi setiap penggal (1/2) tahun dalam bentuk selfmailer, bersaiz A4 (120 gsm/ mengikut spesifikasi Pos Malaysia Bhd) dan berwarna hijau dan putih termasuk kerja-kerja berkaitan penyediaan data, pengasingan, pengiraan, 'perforation', melabel mengikut kawasan dan menghantar ke Pejabat Pos.	Bil	42,000		
2.	<u>NOTIS KEPUTUSAN BANTAHAN</u> Membekal dan mencetak Notis Keputusan Bantahan bagi setiap penggal (1/2 tahun) dalam bentuk selfmailer bersaiz A4 (120 gsm/mengikut spesifikasi Pos Malaysia Bhd) dan berwarna ungu dan putih termasuk kerja-kerja penyediaan data, pengasingan, pengiraan, 'perforation', melabel mengikut kawasan dan menghantar ke Pejabat Pos.	Bil	3,000		
3.	<u>BAYARAN POS</u> Bayaran pos untuk Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai dan Notis Keputusan Bantahan.	Bil	45,000		
	NOTA : 1- Arahan kerja akan dikeluarkan setiap penggal. 2- Jumlah kuantiti adalah anggaran untuk tempoh 3 tahun. Kuantiti sebenar adalah tertakluk kepada bilangan pegangan yang diinboiskan. (Kadar perlu ditambahkan dengan anggaran kenaikan harga barang bagi tempoh 3 tahun) 3- Kertas A4 (mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Pos Malaysia Berhad				
JUMLAH					

COP SYARIKAT

.....
(TANDATANGAN PEMBORONG)

NAMA :

Nota :-

Senarai Kuantiti dan Borang Maklumat Syarikat yang telah lengkap berserta lampiran boleh di hantar dengan kaedah :-
a). Fax ke nombor **03-3373 1960** - pihak kami akan masukkan dokumen yang lengkap dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh peti ditutup; atau

b). Email ke **sebutharga.b@mpklang.gov.my** - pihak kami akan print dokumen dan masukkan ke dalam peti sebutharga B, bagi dokumen yang di email sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh peti ditutup; atau

c). Serahan tangan - hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga (B) Majlis Perbandaran Klang di kaunter **Bahagian Ukur Bahan**, beralamat di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber), Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.

**BORANG MAKLUMAT SYARIKAT
(SILA ISI DAN LAMPIRKAN DOKUMEN BERIKUT)**

NO. SEBUTHARGA : MPK 400-10/3/6
 TAJUK : KERJA-KERJA PERCETAKAN DAN PENGEPOSAN NOTIS PINDAAN / MENYEMAK
 SENARAI NILAIAN DAN NOTIS KEPUTUSAN BANTAHAN UNTUK JABATAN
 PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA.

BAHAGIAN A : MAKLUMAT SYARIKAT

NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT			
NO. TELEFON		NO. FAX	

No. PENDAFTARAN MPK (SILA LAMPIRKAN SALINAN) (JIKA ADA)	
No. PENDAFTARAN SSM (SILA LAMPIRKAN SALINAN)	
No. PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA berserta KOD BIDANG 221606 & 221708 atau 221710 . (SILA LAMPIRKAN SALINAN)	
No. PENDAFTARAN UPEN (SILA LAMPIRKAN SALINAN)	

*(Sila Pastikan Pendaftaran di dalam tempoh sah)

BAHAGIAN B : PENGALAMAN

PENGALAMAN KERJA YANG BERKAITAN : ADA TIADA
 (SILA LAMPIRKAN BUKTI)

BAHAGIAN C : TEMPOH PENYEDIAAN DAN PENGHANTARAN BARANG

TEMPOH : _____ HARI / MINGGU / BULAN / TAHUN (PERLU DIISI)

BAHAGIAN D : SAMPLE ATAU BROSHER

ADA TIADA
 (WAJIBKAN SERTAKAN SAMPLE)

BAHAGIAN E : TEMPOH JAMINAN

TEMPOH JAMINAN : _____ HARI / MINGGU / BULAN / TAHUN (PERLU DIISI)

* SAYA MENGESAHKAN SEGALA MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR DAN TEMPOH SAH LAKU HARGA YANG DITAWARKAN ADALAH 3 TAHUN DARI TARIKH TUTUP IKLAN INI.

 (TANDATANGAN PEMBORONG)

NAMA :

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

KERJA-KERJA PERCETAKAN DAN PENGEPOSAN NOTIS PINDAAN / MENYEMAK SENARAI NILAIAN DAN NOTIS KEPUTUSAN BANTAHAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KLANG

SPESIFIKASI KERJA

1.0 Pembekal adalah dinasihatkan supaya membaca dengan teliti arahan kepada penyebutharga dan syarat-syarat am ini serta hendaklah dibaca sekali dengan spesifikasi. Syarat-syarat am ini adalah merupakan sebahagian dari spesifikasi sebutharga. Kegagalan penyebutharga melaksanakan arahan dan syarat-syarat am ini akan menyebabkan penolakan tawaran.

2.0 MEMENUHI SPESIFIKASI DAN ARAHAN

Tawaran ini adalah seperti berikut:-

- 2.1 Membekal dan mencetak Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai dan Notis Keputusan Bantahan bagi setiap penggal (selfmailer – persampulan sendiri)
- 2.2 Penyediaan data, pengasingan, pengiraan, pembungkusan dan penglabelan mengikut kawasan.
- 2.3 Menyerahkan Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai dan Notis Keputusan Bantahan yang telah dicetak dan diposkan.

3.0 SPESIFIKASI BARANGAN

3.1 Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai

Saiz Kertas	:	A4 (mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Pos Malaysia Berhad)
Warna Kertas	:	Hijau dan putih
Jenis bil	:	Persampulan sendiri (selfmailer)
Anggaran Sepenggal	:	7,000 Notis

3.2 Notis Keputusan Bantahan

Saiz Kertas	:	A4 (mengikut spesifikasi yang Ditetapkan oleh Pos Malaysia Berhad)
Warna Kertas	:	Ungu dan putih
Jenis bil	:	Persampulan sendiri (selfmailer)
Anggaran Sepenggal	:	500 Notis

NOTA:- Sebarang pertambahan kos yang melibatkan perubahan spesifikasi kertas atau kos pos akan ditanggung oleh pihak pembekal.

4.0 CONTOH KERTAS

Setiap pembekal dikehendaki memberikan **Contoh Kertas**. Sila lampirkan juga contoh Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai dan Notis Keputusan Bantahan yang pernah dicetak.

5.0 CONTOH BARANGAN

Pembekal dikehendaki melihat contoh Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai dan Notis Keputusan Bantahan yang boleh didapati di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

6.0 KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan mestilah baru dan belum digunakan serta berkeadaan baik. Pembekal hendaklah mengemukakan contoh barangan sekiranya diminta oleh Majlis. Barang-barang yang dibekalkan hendaklah mengikut standard yang ditetapkan. Pembekal hendaklah memastikan bekalan barang-barang sentiasa mencukupi dan tidak mengganggu sebarang proses pengeluaran bil dan notis.

7.0 TEMPOH SAH HARGA

Harga-harga yang ditawarkan hendaklah sah untuk tempoh 3 tahun (36 bulan). Pesanan tambahan sekiranya ada hendaklah berdasarkan kepada kadar harga sebagaimana yang ditawarkan.

8.0 SETUJUTERIMA

Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah. Penerimaan barang-barang yang ditawarkan bergantung kepada kepuasan dan budi bicara Majlis.

Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak-kehendak para ini dalam tempoh masa yang dinyatakan, kecuali jika diabaikan dengan nyata oleh Majlis, akan menyebabkan **penerimaan ini terbatal** dan selepas itu Majlis tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pembekal.

9.0 JENIS KONTRAK

Tawaran ini adalah untuk dua (2) penggal cukai taksiran dalam tempoh tiga (3) tahun dan mengikut tajuk kerja yang tersebut dalam tender. Tarikh sebenar akan ditentukan dalam surat tawaran sebutharga kelak.

10.0 TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak adalah selama 3 tahun, tertakluk kepada perubahan.

11.0 TEMPOH PENGEPOSAN NOTIS

Notis hendaklah diposkan selewat-lewatnya **lima (5) hari bekerja** dari tarikh terima data. **Kegagalan** pembekal **mengepos** Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai dan Notis Keputusan Bantahan tersebut dalam tempoh yang dinyatakan, **denda** sebanyak **RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) sehari** akan dikenakan sehinggalah kerja-kerja tersebut dilaksanakan.

12.0 PEMERIKSAAN

Pembekal hendaklah membenarkan pegawai-pegawai yang berkenaan untuk bebas masuk bagi maksud pemeriksaan dalam waktu-waktu bekerja biasa ke kawasan di mana barang-barang itu sedang diperkilang atau disimpan. Pegawai-pegawai yang berkenaan ialah pegawai-pegawai yang dibenarkan dengan bertulis oleh Majlis. Pembekal juga hendaklah memberi kerjasama dan kemudahan semasa pemeriksaan atau pengujian dibuat.

13.0 TEMPOH PENYERAHAN

Pembekal dikehendaki memperakui bahawa barangan yang dibekalkan mengikut penentuan dan piawai yang telah ditetapkan dalam tawaran ini. Pembekal tidak berhak menuntut sebarang perbelanjaan yang dikeluarkan berhubung dengan tawaran ini.

14.0 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

Bayaran kepada pembekal adalah berdasarkan kepada jumlah sebenar bilangan **Kerja-kerja Percetakan dan Pengeposan Notis Pindaan / Menyemak Senarai Nilai dan Notis Keputusan Bantahan Untuk Majlis Perbandaran Klang**.

Tuntutan bayaran hendaklah dikemukakan dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas pembekalan dibuat. Sebarang kelewatan akan dikenakan **denda** sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) sehari**.

15.0 PENOLAKAN BARANGAN

Sekiranya barangan yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan, Majlis berhak untuk menolak barangan tersebut dan pembekal dikehendaki memindahkan barangan tersebut **dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh penghantaran dan segala risiko akan ditanggung oleh pembekal**. Di samping itu, pembekal juga dikehendaki mengganti semua barangan serta perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Majlis. **Tempoh penggantian barangan yang ditolak mestilah mengikut masa yang ditetapkan oleh Majlis**.

16.0 TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

Tempoh tanggungan kecacatan adalah **dua (2) bulan** dari tarikh siap kerja. Sebarang kecacatan / ketidaksempurnaan / kesusutan / apa-apa kerosakan yang berlaku dalam tempoh tanggungan kecacatan hendaklah dibaiki dan disediakan oleh pembekal sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai yang diberikuasa. Kegagalan pembekal melaksanakan kerja-kerja pembaikan, Majlis berhak melantik pembekal lain untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut dan kos yang terlibat akan ditolak daripada baki bayaran kepada pembekal.

17.0 PENAMATAN PERJANJIAN

Majlis boleh dengan memberi **notis bertulis** kepada Pembekal **menamatkan perjanjian** jika melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat di dalam syarat-syarat kontrak perjanjian.

Disediakan oleh:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta,
Majlis Perbandaran Klang.